

KE MANA KITA DIBAWA OLEH ULAMA-ULAMA KITA?

Sesudah diadakan Persidangan Majlis bagi Jabatan-Jabatan Agama seluruh Persekutuan Tanah Melayu di Kuala Lumpur baru-baru ini maka suatu keputusan telah diambil meminta kepada Raja-Raja Melayu supaya mengharamkan kitab *Ibadat Rasulullah* dengan alasan bahawa hanya sebuah sahaja negeri yang membantah iaitu Perlis sedang negeri lain yang semuanya berasaskan pengajaran al-Imām al-Shāfi'ī meminta supaya diharamkan

(oleh Husni)

Di dalam surat khabar telah tersiar luas perkara ini dan Majalah Qalam dalam Rencana Pengarangnya yang lalu mengingatkan semoga sebelum menjatuhkan hukuman terlebih dahulu hendaklah diberi keadilan iaitu memeriksa pendapat pihak yang berkenaan tentang pegangan mereka terhadap kepada hukum Allah yang tidak boleh diasaskan hanya semata-mata dengan suara ramai atau atas banyaknya orang-orang yang menyangkut mazhab al-Imām al-Shāfi'ī ataupun kerana Perlembagaan Negeri-Negeri Melayu ini By-state umumnya mentakrifkan bahawa agama Islam yang menjadi pegangan bagi mereka ialah agama Islam menyangkut mazhab al-Imām al-Shāfi'ī.

Kerana adanya perlembagaan inilah harus ulama-ulama bagi tiap-tiap negeri itu bertindak mengambil kekuasaan yang ada kepada mereka untuk menahan segala apa jua yang boleh melawan pendapat mereka dengan tidak mahu sekali-kali mendengar hujah-hujah dan pendapat orang sekalipun mereka mengetahui pertelingkahan perkara ini berjalan beribu tahun lebih lamanya.

Dengan hukuman yang dikehendaki itu tentulah timbul pendapat bahawa adalah orang-orang Islam yang lain yang tidak mengikut hukum dan pengertian al-Imām

al-Shāfi'ī pendapatnya tidak boleh dipakai. Ijtihādnya tidak boleh digunakan sekalipun orang-orang itu menjalankan rukun-rukun Islam yang lima dan rukun iman yang enam sebagai asas sahnya seseorang itu menjadi Islam.

Dengan secara terang ertinya tiap-tiap pendapat yang lain daripada pendapat pengertian al-Imām al-Shāfi'ī tidak boleh diamal, disiar dan diterangkan kepada umum apalagi pendapat itu diasaskan terus kepada Kitabullah dan sunnah Rasul-Nya Muḥammad (S.A.W) dalam mengenai hukum agama.

Jika ini yang dihajat dikuatkuasakan di negeri ini maka saya memandang bukannya sahaja kebebasan beragama (yang tidak menyalahi asas-asas tauhid dan iman) akan ditahan tetapi juga pengertian-pengertian lain daripada pengertian al-Imām al-Shāfi'ī akan ditindas terbukti daripada permintaan-permintaan supaya menapis kitab-kitab yang dibawa masuk ke Persekutuan Tanah Melayu.

Kalau benar pendapat saya bahawa ada langkah-langkah akan menindas pengertian lain daripada pengertian al-Shāfi'ī maka saya khuatir perkara ini akan membawa suatu perbalahan yang hebat di antara pemeluk-pemeluk Islam yang mengucap dua kalimah shahādah itu sendiri - pertentangan sama

sendiri akan timbul terutamanya pula apabila terbit cara-cara yang berbahaya bahawa mereka tidak mahu membahas apa yang ada di dalam perselisihan itu tetapi mereka menimbulkan tuduhan-tuduhan yang berat, menuduh orang yang tidak mengikut pengertian mereka dengan Khawārij, Qādiyānī dan lain-lain lagi yang boleh menerbitkan dendam dan permusuhan yang tidak berkesudahan.

Akibat yang seperti ini patut diperhatikan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu kerana jika Majlis Raja-Raja Melayu tidak menasihati pejabat agama mereka menjauhkan daripada berbuat demikian dalam petua-petua rasmi maka ertinya Majlis Raja-Raja Melayu meluluskan sesuatu perkara yang menimbulkan perbalahan di antara umatnya yang bakal merosakkan keamanan di negeri ini iaitu perkara-perkara yang telah pernah membangkitkan persengketaan masa yang lampau di lain-lain tempat - terbitnya bukannya kerana membahas faham tetapi ialah kerana tuduhan-tuduhan yang berleluasa.

Saya yakin bahawa orang-orang awam yang insaf tidak menggemari cara ini. Mereka telah bosan dengan soal-soal yang tidak sudah-sudahnya ini. Mereka tidak mengendahkan pertentangan pengertian atas ijtihād ini asakan' daripada Kitabullah dan sunnah Rasul-Nya.

Yang dikehendaki mereka untuk mendapat perhatian ialah tentang perlembagaan agama di dalam masyarakat kita yang lebih besar faedah mendapat perhatian kerana banyak pemuda-pemuda kita yang berasal daripada Islam itu dari sehari ke sehari telah menjauhkan dirinya daripada pengertian Islam sebab segala pengajaran yang diajarkan telah menjemukan mereka mempelajarinya - cara-cara pelajaran yang diberi tidak ada lagi daya penarik yang boleh menguatkan kepercayaan dan keyakinan mereka.

Mufti-mufti dan ulama-ulamanya di pejabat-pejabat agama umumnya hanya membahas masalah-masalah yang telah dibahas sebegitu lama dan menimbulkan semula perbincangan itu sedang pelajaran-pelajaran agama di sekolah-sekolah agama keadaannya mengikut kaedah-kaedah lama juga. Kitab-kitab tauhidnya yang diajarkan, yang menjadi asas keyakinan tidak lama diselidiki apakah sesuai untuk masa sekarang atau untuk masa sepuluh atau dua puluh tahun yang akan datang.



Perdana Menteri Persekutuan Tunku Abdul Rahman dalam istiadat penyerahan Angkatan Laut baru-baru ini di Singapura.

Inilah soal-soal atau masalah-masalah yang patut kita kaji - dengan saksama dan bersama-sama kerana sekiranya soal ini tidak mendapat perhatian sudah tentu perkembangan agama akan rosak dan anak-anak kita akan mudah dimasuki anasir-anasir anti-Tuhan yang sentiasa merasuk mereka dan mereka mudah tercebur disebabkan asas pengertian tauhid tidak melekat di dada mereka.

Apakah ulama-ulama tidak bertanggungjawab di atas perkembangan agama untuk masa yang akan datang? Apakah dalam masa ini kita hanya asyik memperbincangkan masalah yang dibincangkan juga seribu tahun lebih dahulu dengan menggunakan kuat kuasa untuk mengadakan penindasan terhadap kepada memberi pengertian dalam agama.

Semoga hal ini diinsafi dan kita yakin orang-orang awam Islam yang siuman tidak mahu lagi membahas-bahas perkara menentukan hukum itu kerana membahas-bahas itu sendiri mengatakan bahawa yang dibahas hukum sekalipun ia sendiri tidak mahu memakannya. "Kalau kita tidak mahu memakan sesuatu halal pun hukumnya apakah kita bersalah dan mahu bersoal-soal lagi di dalamnya" - ini pendapat setengah-setengah orang.

Mahu makan sila makan - tidak mahu makan tidak mengapa kerana banyak lagi persoalan yang lebih besar yang ada yang patut dibahas. Arak yang diminum di setiap majlis tidak seribut itu dibahas tetapi perkara halal haram sesuatu ribut dibahas sedang keadaan di sekeliling masyarakat beragama kita di dalam bahaya, anak-anak kita banyak menjauhkan diri dan tidak gemar kepada agama disebabkan pelajaran-pelajaran agama yang diberi kepada mereka tidak

mempunyai daya penarik pada hal Tuhan menunjukkan cara-cara yang menarik tetapi kita tidak melaksanakannya.

Darjah-darjah rendah diajarkan sifat dua puluh untuk mengenal Tuhan padahal orang-orang yang berumur dua puluh atau tiga puluh tahun pun hampir-hampir tidak dapat menyelami pelajaran itu.

Asas pelajaran agama yang diberi tidak lagi diasaskan kepada kebolehan yang menerimanya tetapi dipaksakan anak-anak itu menerima sehingga akhirnya mereka jemu dan tidak mahu mempelajarinya.

Kerana itu wahai ulama-ulama hendaklah ingat bahawa tanggungjawab kita lebih besar banyak dan bebaskan orang-orang memberi pendapat semoga dengan kebebasan itu orang-orang bertambah yakin dan penuh perasaannya.



Para anggota Ikhwan bergambar ramai ketika menyambut kedatangan rakannya dari Kedah.